

Mac/April 1992

RPK 231 - Teori dan Amalan Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Di dalam buku "An Introduction to Town and Country Planning" oleh John Ratcliff ada menerangkan bagaimana perancangan tempatan telah berubah daripada menghasilkan pelan-pelan induk yang statis dan kejang kepada penekanan baru ke atas proses yang bersambungan dan bertumpu ke arah menghasilkan keputusan yang paling baik.

Bincangkan proses perancangan ini dengan menerangkan rangkaian tahap-tahap yang terlibat. Anda boleh memberi tahap-tahap yang dihuraikan oleh Ratcliff atau tahap-tahap yang dibincangkan dalam kuliah tentang proses perancangan. Sebagai sokongan, lakarkan gambarajah sistem.

(25 markah)

2. a) Jelaskan dengan terperinci apakah peranan seorang perancang bandar dan berikan contoh-contoh yang berkaitan dengannya.

DAN

- b) Bincangkan proses dalam penyediaan pelan struktur. Apakah pertimbangan yang mesti diambil dalam setiap tahap yang dilalui.

(25 markah)

3. Bincangkan dengan jelas keperluan-keperluan asas bagi mengadakan sebuah tapak bandar yang ideal dan sebutkan prinsip-prinsip yang boleh mempengaruhi susun-atur bandar tersebut. Sila berikan lakaran jika perlu.

(25 markah)

BAHAGIAN B

4. Terangkan dengan jelas perbezaan di antara Bahagian IX Enakmen Majlis Bandaran (FMS CAP 137) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Berikan contoh-contoh pemakaian kedua-dua undang-undang perancangan tersebut secara terperinci.

(25 markah)

5. Huraikan perbandingan di antara organisasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa di peringkat Negeri dan Jabatan Perancang Bandar di peringkat Kuasa Tempatan. Jelaskan fungsi atau bidang kuasa masing-masing. Anda boleh mengambil contoh-contoh daripada mana-mana Negeri dan Kuasa Tempatan yang anda agak biasa.

(25 markah)

6. Bincangkan prosedur untuk mendapat kelulusan pemajuan dengan mengambil contoh mana-mana Negeri atau Kuasa Tempatan yang anda biasa. Perbincangan anda hendaklah meliputi perkara-perkara seperti tukar syarat, pecah sempadan, kelulusan pelan tata-atur dan kebenaran merancang. Gunakan lakaran carta aliran untuk mengukuhkan penjelasan anda.

(25 markah)

-ooo00ooo-